

▼29/01/18-27MST

R GB 29-01 00151 BD545

bah

Mahathir - Labuan

LABUAN NIKMATI TARAF BEBAS CUKAI SEPENUHNYA PADA 1996

I

LABUAN, 29 Jan (Bernama) -- Labuan akan menikmati taraf pelabuhan bebas cukai sepenuhnya pada 1996 apabila sebahagian besar daripada kemudahan-kemudahan penting siap dibina.

Dalam perutusan khas sempena Pesta Labuan 94 dan perayaan ulang tahun ke-10 pengisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keputusan kerajaan menjadikan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) telah mencapai kejayaan.

Perdana Menteri berkata bahawa pulau itu kini menjadi tarikan kebanyakan institusi kewangan yang mendirikan pejabat masing-masing di sana.

Pada masa ini, sektor awam dan swasta sesrta penduduk tempatan bertanggungjawab menggerakkan pembangunan dan kemajuan di pulau itu, kata beliau.

Dr Mahathir menarik perhatian bahawa penduduk di Labuan telah mendapat faedah hasil daripada pertumbuhan pesat pulau itu sejak menjadi Wilayah Persekutuan pada 1984. -- Lagi

▼29/01/19-12MST

R GB 29-01 00171 BD546

bah

Mahathir - Labuan 2 (akhir) Labuan

Perdana Menteri melahirkan keyakinan bahawa Pesta Labuan akan membantu memperkenalkan lagi pulau itu sebagai kawasan bebas cukai dan destinasi pelancongan.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pembangunan Labuan (LDA), Tun Daim Zainuddin berkata bahawa pengisytiharan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa pada 1 Okt, 1990 menunjukkan kesungguhan kerajaan membawa kemajuan di pulau itu.

Dalam ucapannya pada perasmian Pesta Labuan 94 di sini hari ini, Tun Daim Zainuddin berkata, beliau menjangka usaha kerajaan untuk meletakkan Labuan pada peta dunia akan tercapai dalam masa yang singkat.

Beliau berkata bahawa pertumbuhan pulau itu membuka peluang yang luas kepada penduduk tempatan dan oleh itu, beliau menggesa mereka merebut peluang itu untuk meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Pesta Labuan yang akan berlangsung selama sembilan hari dijangka menjadi tarikan bagi pelawat dari Sabah, Sarawak dan Brunei.

Acara yang menjadi tarikan pengunjung antaranya ialah pameran oleh sektor awam dan swasta, sukan pan-Borneo dan persembahan kebudayaan. --

Bernama

AG FAZ

▼29/01/19-15MST